



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 4 DISEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# RM47j diesel diseleweng dirampas setakat Oktober

**KUALA LUMPUR:** Pihak berkuasa merampas diesel bernilai RM47 juta yang cuba diseleweng bagi tempoh Januari 2022 hingga Oktober lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Armizan Ali berkata, daripada jumlah tersebut, Semenanjung Malaysia mencatatkan kes tertinggi sebanyak 1,617 kes.

“Di Sarawak sebanyak 421 kes, Sabah (141 kes) dan Wilayah Persekutuan Labuan (11 kes) di mana keseluruhan statistik ini adalah sebanyak RM47 juta,” katanya waktu pertanyaan-pertanyaan menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Rosul Wahid (PN- Hulu Terengganu) yang meminta kementerian menyatakan jumlah tangkapan dan rampanan kes penyelewengan subsidi diesel di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sejak 2022 hingga kini.

Kata Armizan, antara faktor mendorong penyelewengan diesel bersubsidi adalah permintaan tinggi dalam sektor industri dan penyecludupan ke luar negara.

# Mekanisme subsidi bersasar telus, bendung ketirisan

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan menggunakan pakai mekanisme bantuan tunai secara langsung kepada golongan sasar yang berkelayakan dan memerlukan sebagai salah satu langkah untuk membendung isu ketirisan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Ali berkata, langkah tersebut dilakukan dalam memastikan subsidi ini sampai kepada golongan sasar.

Kata beliau, kementerian juga memanfaatkan penggunaan teknologi untuk memastikan sistem penyampaian yang efisien dan segera seperti penyaluran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang dikreditkan terus ke akaun penerima dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang menggunakan MyKad.

"Kerajaan turut melaksanaan dasar dan program penyasarannya subsidi untuk memastikan program subsidi benar-benar sampai dan dimanfaatkan golongan sasar."

"Selain itu, kementerian juga memperkasa aspek penguasaan untuk membendung isu ketirisan, penyelewengan dan penyeludupan," katanya di Dewan Rakyat semalam.


Beliau menjawab pertanyaan Datuk Seri Doris Sophia

Anak Brodi (**GPS-Sri Aman**) yang ingin tahu keberkesanannya program subsidi kerajaan yang dilaksanakan untuk mengurangkan kos sara hidup dan apakah mekanisme yang digunakan untuk memastikan subsidi ini sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Mengulas mengenai keberkesanannya program subsidi, Armizan berkata, laporan Khazanah Research Institute menunjukkan peningkatan dalam jumlah perbelanjaan keseluruhan dan jumlah perbelanjaan makanan berikutnya bantuan tunai.

"Dapatkan laporan itu juga menunjukkan bantuan tunai juga mampu memberikan jaminan sumber pendapatan yang konsisten."

"Selain itu, laporan Kajian Impak Program Payung RAHMAH di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang telah dilaksana ILHAM Centre mendapati 81 peratus responden berpuas hati dengan pelaksanaan program tersebut, manakala 83 peratus berpendangan inisiatif melaksanakan program ini merupakan langkah tepat untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup," ujarnya.



**ARMIZAN** bercakap dalam sidang Dewan Rakyat di Kuala Lumpur semalam. – IHSAN JABATAN PENERANGAN

## 2,206 kes salah guna barang kawalan diesel dilaporkan

KUALA LUMPUR — Sebanyak 2,206 kes berkaitan penyalahgunaan barang kawalan diesel dilaporkan sejak Januari 2022 hingga Oktober 2024 dengan jumlah nilai rampasan diesel ialah RM47 juta kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Armizan Ali.

Beliau berkata, daripada jumlah tersebut sebanyak 1,617 kes dilaporkan di Semenanjung Malaysia, 421 kes di Sarawak, 141 kes di Sabah dan 11 kes di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Bilangan tangkapan yang dilakukan dalam tempoh tersebut ialah 1,177 orang melibatkan warganegara dan bukan warganegara.

"Antara faktor yang mendorong aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi ini adalah disebabkan permintaan yang tinggi dalam sektor industri dan penyaludupan ke luar negara serta penetapan harga bagi diesel bersubsidi yang diberikan secara pukal oleh kerajaan mendorong



GAMBAR fail aktiviti penyelewengan diesel yang telah ditumpaska oleh KPDN di Setiu, Terengganu pada 7 November lalu.

ke arah kegiatan ini," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Datuk

Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) mengenai jumlah tangkapan dan rampasan bagi kes penyelewangan subsidi diesel

di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak sejak 2022 hingga kini.

Sementara itu, menjawab soa-

lan tambahan Rosol mengenai aktiviti penyelewangan diesel yang masih berlaku walaupun selepas penyasarannya subsidi diesel yang dilaksanakan pada Jun lalu, Armizan berkata berlaku penurunan kes iaitu sebanyak 321 kes berbanding dengan 774 kes pada 2023.

"Bermula 2023 apabila jurang harga tanpa subsidi itu begitu besar menyebabkan banyak penyelewangan dan apabila dilaksanakan penyasarannya dari segi kes itu agak berkurangan.

"Dari segi penggunaan, sejak dilaksanakan penyasarannya subsidi diesel, penggunaan atau pun nilai rampasan kes-kes ini menujun sebanyak 71 peratus bagi diesel dan ada kenaikan daripada aspek kes bagi RON95 iaitu sebanyak tujuh peratus," ujarnya.

Bagaimanapun beliau berkata, dari segi kos sara hidup, harga barang yang secara langsung dikaitkan dengan diesel itu tidak ketara tetapi lebih kepada pergerakan harga disebabkan oleh permintaan dan pembekalan.

## Jualan rahmah di tujuh lokasi banjir

**Kota Bharu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Negeri Kelantan mengadakan Program Jualan Rahmah Madani di tujuh lokasi terkesan banjir bermula kelmarin untuk meringankan beban penduduk yang terjejas dengan bencana alam itu.

Tujuh lokasi berkenaan ialah di Parlimen Pasir Mas, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Machang, Rantau Panjang dan Bachok.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, program bertujuan menyediakan barang keperluan asas pada harga subsidi 10 hingga 30 peratus kepada penduduk yang terkesan banjir selain memastikan bekalan barang mencukupi serta dapat diakses orang ramai.

"Langkah ini sekali gus dapat mengekang sebarang kenaikan harga yang mungkin berlaku akibat peningkatan permintaan serta cabaran bekalan di kawasan banjir serta tiada lonjakan harga membebani rakyat ketika musim tengkujuh," katanya menerusi satu kenyataan media semalam.

Beliau berkata, KPDN Kelantan turut mengadakan lawatan di kawasan terkesan banjir selain premis, peruncit serta pemborong di sekitar negeri mempunyai bekalan yang mencukupi.

"Kami komited bagi meringankan beban mangsa dan sebanyak 93 lokasi bagi Program Jualan Rahmah bergerak turut disenaraikan sepanjang Disember ini," katanya.

**"Langkah ini sekali gus dapat mengekang sebarang kenaikan harga yang mungkin berlaku"**

*Azman Ismail*

## Jumlah rampasan diesel RM47 juta

**KUALA LUMPUR** - Jumlah nilai rampasan diesel yang dihasilkan ialah RM47 juta sejak Januari 2022 hingga Oktober 2024.

### SIDANG PARLIMEN

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, bilangan tangkapan yang dilakukan dalam tempoh tersebut ialah 1,177 orang melibatkan warganegara dan bukan warganegara.

“Sebanyak 2,206 kes berkaitan penyalahgunaan barang kawalan diesel telah dihasilkan di seluruh negara.

“Semenanjung Malaysia mencatatkan 1,617 kes, Sarawak (421 kes), Sabah (141 kes) dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak 11 kes,” ujarnya di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab soalan Datuk Rosol Wahid (**PN-Hulu Terengganu**) yang meminta Menteri KPDN menyatakan jumlah tangkapan dan rampasan bagi kes penyelewengan subsidi diesel di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak sejak 2022 hingga kini.

Tambah Armizan, pihaknya mengambil serius berhubung aktiviti penyelewengan diesel di negara ini.

“Antara faktor yang mendorong aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi ini adalah disebabkan permintaan yang tinggi dalam sektor industri.

“Selain itu, penyeludupan ke luar negara serta penetapan harga bagi diesel bersubsidi yang diberikan secara pukal oleh kerajaan mendorong ke arah kegiatan ini,” jelasnya.

## Cost of living indicator to enhance targeted subsidy

KUALA LUMPUR: The government is set to introduce a Cost of Living Indicator (IKSH) to design more targeted subsidy programmes aligned with the specific needs and spending habits of Malaysians, says Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said the initiative is part of ongoing subsidy reforms to ensure aid reaches those most in need. The IKSH will help refine both existing programmes and

future initiatives for better planning and execution.

"Under Budget 2025, an additional RM700mil has been allocated to KPDN to introduce new measures aimed at alleviating the cost of living."

"This allocation allows us to not only enhance current programmes to benefit target groups but also implement more specific initiatives for certain regions," Armizan said during the question-and-an-

swer session in the Dewan Rakyat.

He added that the indicator will ensure future programmes are more focused, addressing basic necessities while empowering citizens to participate more meaningfully in society.

Armizan was responding to Datuk Seri Doris Sophia Anak Brodi, who asked about alternative initiatives by KPDN to support the public alongside existing subsidy programmes. — Bernama

KUALA LUMPUR (Dec 3): The government is set to introduce a cost of living indicator (IKSH) to design more targeted subsidy programmes aligned with the specific needs and spending habits of Malaysians, said Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said the initiative is part of ongoing subsidy reforms to ensure aid reaches those most in need. The IKSH will help refine both existing programmes and future initiatives for better planning and execution.

"Under Budget 2025, an additional RM700 million has been allocated to KPDN to introduce new measures aimed at alleviating the cost of living.

"This allocation allows us to not only enhance current programmes to benefit target groups but also implement more specific initiatives for certain regions," Armizan said during the question-and-answer session in the Dewan Rakyat on Tuesday.

He added that the indicator will ensure future programmes are more focused, addressing basic necessities while empowering

## Putrajaya to introduce cost of living indicator to boost delivery of targeted subsidies — minister

Bernama

ing citizens to participate more meaningfully in society.

Armizan was responding to Datuk Seri Doris Sophia Anak Brodi (GPS-Sri Aman), who asked about alternative initiatives by KPDN to support the public alongside existing subsidy programmes.

When asked by Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) about whether the targeted diesel subsidy has led to higher

PHOTO VIA FACEBOOK/ARMIZAN MOHD ALI



living costs, Armizan clarified that reports indicate otherwise.

"Price trends in various areas show that rising living costs are driven by demand and supply factors, not targeted fuel subsidies.

"Should there be concerns about the targeted diesel subsidy causing price hikes, we encourage stakeholders to report them. This will allow us to address such cases individually to ensure consumers are not overly burdened," he said.

HARI: RABU  
TARIKH: 4/12/2024  
M/SURAT: 5

## Cost of Living Indicator to enhance targeted subsidy programs — Armizan

**KUALA LUMPUR:** The government is set to introduce a Cost of Living Indicator (IKSH) to design more targeted subsidy programmes aligned with the specific needs and spending habits of Malaysians, said Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said the initiative is part of ongoing subsidy reforms to ensure aid reaches those most in

need. The IKSH will help refine both existing programmes and future initiatives for better planning and execution.

"Under Budget 2025, an additional RM700 million has been allocated to KPDN to introduce new measures aimed at alleviating the cost of living.

"This allocation allows us to not only enhance current programmes to benefit target

groups but also implement more specific initiatives for certain regions," Armizan said during the question-and-answer session in the Dewan Rakyat Tuesday.

He added that the indicator will ensure future programmes are more focused, addressing basic necessities while empowering citizens to participate more meaningfully in society.

Armizan was responding to

Datuk Seri Doris Sophia Anak Brodi (GPS-Sri Aman), who asked about alternative initiatives by KPDN to support the public alongside existing subsidy programmes.

When asked by Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) about whether the targeted diesel subsidy has led to higher living costs, Armizan clarified that reports indicate otherwise.

"Price trends in various areas show that rising living costs are driven by demand and supply factors, not targeted fuel subsidies.

"Should there be concerns about the targeted diesel subsidy causing price hikes, we encourage stakeholders to report them. This will allow us to address such cases individually to ensure consumers are not overly burdened," he said. — Bernama

## IKSH bantu kerajaan rangka program subsidi lebih bersasar

**KUALA LUMPUR:** Pembangunan Indikator Kos Sara Hidup (IKSH) akan membantu kerajaan merangka program subsidi lebih bersasar mengikut keperluan dan perbelanjaan rakyat, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata menerusi pembangunan IKSH, setiap program sedia ada mahupun program baharu dapat dirangka dan dilaksanakan dengan baik termasuk reformasi pemberian subsidi kepada golongan layak yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Armizan berkata menerusi Belanjawan 2025 terdapat pe-

runtukan tambahan RM700 juta kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk merangka program baharu dalam usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat.

“Dalam kita menambah baik program sedia ada dan memastikan sampai kepada golongan sasar, kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM700 juta tambahan supaya mungkin ada program spesifik kepada kawasan tertentu.

“Begitujuga pembangunan Indikator Kos Sara Hidup (IKSH) untuk memastikan program ke depan ini akan menjadi lebih bersasar, me-

lihat bukan hanya kepada keperluan asas rakyat tetapi perbelanjaan yang meliputi kehendak untuk membolehkan rakyat turut serta dalam masyarakat dengan lebih bermakna lagi,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Doris Sophia Anak Brodi (GPS-Sri Aman) berhubung langkah atau inisiatif alternatif yang akan dilaksanakan KPDN di samping program subsidi sedia ada untuk membantu rakyat.

Menjawab soalan tambahan Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) yang ingin tahu sama ada langkah

penyasaran subsidi diesel menyebabkan kenaikan kos sara hidup, Armizan berkata berdasarkan hasil laporan diterima mengenai pergerakan harga barang di beberapa kawasan, kenaikan kos sara hidup bukan berpunca daripada penyasaran bahan api itu sebaliknya atas faktor permintaan dan penawaran.

“Sekiranya ada maklum balas daripada mana-mana pihak yang dilihat kenaikan disebabkan oleh penyasaran diesel, kita harap dapat memberikan maklum balas kepada kita supaya kita boleh tangani isu itu case by case untuk memastikan ia tidak membebankan pengguna kita,” katanya. — Bernama

# IKSH bantu kerajaan rangka program subsidi lebih bersasar

**KUALA LUMPUR:** Pembangunan Indikator Kos Sara Hidup (IKSH) akan membantu kerajaan merangka program subsidi lebih bersasar mengikut keperluan dan perbelanjaan rakyat, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata menerusi pembangunan IKSH, setiap program sedia ada mahupun program baharu dapat dirangka dan dilaksanakan dengan baik termasuk reformasi pemberian subsidi kepada golongan layak yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Armizan berkata menerusi Belanjawan 2025 terdapat peruntukan tambahan RM700 juta kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk merangka program baharu dalam usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat.

“Dalam kita menambah baik program sedia ada dan memastikan sampai kepada golongan sasar, kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM700 juta tambahan supaya mungkin ada program spesifik kepada kawasan tertentu.

“Begitu juga pembangunan Indikator Kos Sara Hidup (IKSH) untuk memastikan program ke depan ini akan menjadi lebih bersasar, melihat bukan hanya kepada keperluan asas rakyat tetapi perbelanjaan yang meliputi kehendak untuk membolehkan rakyat turut serta dalam masyarakat dengan lebih bermakna lagi,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Doris Sophia Anak Brodi (GPS-Sri Aman) berhubung langkah atau inisiatif alternatif yang akan dilaksanakan KPDN

di samping program subsidi sedia ada untuk membantu rakyat.

Menjawab soalan tambahan Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) yang ingin tahu sama ada langkah penyasaran subsidi diesel menyebabkan kenaikan kos sara hidup, Armizan berkata berdasarkan hasil laporan diterima mengenai pergerakan harga barang di beberapa kawasan, kenaikan kos sara hidup bukan berpunca daripada penyasaran bahan api itu sebaliknya atas faktor permintaan dan penawaran.

“Sekiranya ada maklum balas daripada mana-mana pihak yang dilihat kenaikan disebabkan oleh penyasaran diesel, kita harap dapat memberikan maklum balas kepada kita supaya kita boleh tangani isu itu case by case untuk memastikan ia tidak membebankan pengguna kita,” katanya. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

**BERITA ONLINE BERTARIKH 4 DISEMBER 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
4-Dec	Jumlah rampasan penyalahgunaan barang kawalan diesel cecah RM47 juta	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/12/03/jumlah-rampasan-penyalahgunaan-barang-kawalan-diesel-cecah-rm47-juta/">https://malaysiagazette.com/2024/12/03/jumlah-rampasan-penyalahgunaan-barang-kawalan-diesel-cecah-rm47-juta/</a>	MALAYSIA GAZETTE
4-Dec	PARLIMEN: RM47 juta diesel dirampas setakat Oktober	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2024/12/parlimen-rm47-juta-diesel-dirampas-setakat-oktober/">https://www.utusan.com.my/terkini/2024/12/parlimen-rm47-juta-diesel-dirampas-setakat-oktober/</a>	UTUSAN MALAYSIA
4-Dec	Jualan Rahmah Madani di 7 lokasi terjejas banjir di Kelantan	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1162040/jualan-rahmah-madani-di-7-lokasi-terjejas-banjir-di-kelantan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1162040/jualan-rahmah-madani-di-7-lokasi-terjejas-banjir-di-kelantan</a>	HARIAN METRO
4-Dec	IKSH bantu kerajaan rangka program subsidi lebih bersasar - Armizan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/iksh-bantu-kerajaan-rangka-program-subsidi-lebih-bersasar-armizan-499121">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/iksh-bantu-kerajaan-rangka-program-subsidi-lebih-bersasar-armizan-499121</a>	ASTRO AWANI
4-Dec	PARLIMEN: IKSH bantu kerajaan rangka program subsidi lebih bersasar	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/parlimen-iksh-bantu-kerajaan-rangka-program-subsidi-lebih-bersasar/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/parlimen-iksh-bantu-kerajaan-rangka-program-subsidi-lebih-bersasar/</a>	UTUSAN MALAYSIA
4-Dec	Cost of Living Indicator to enhance targeted subsidy programmes - Armizan	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/cost-of-living-indicator-to-enhance-targeted-subsidy-programmes-armizan-KG13373559">https://thesun.my/malaysia-news/cost-of-living-indicator-to-enhance-targeted-subsidy-programmes-armizan-KG13373559</a>	THE SUN
4-Dec	Putrajaya to introduce cost of living indicator to boost delivery of targeted subsidies — minister	<a href="https://theedgemalaysia.com/node/736392">https://theedgemalaysia.com/node/736392</a>	THE EDGE MALAYSIA
4-Dec	IKSH BANTU KERAJAAN RANGKA PROGRAM SUBSIDI LEBIH BERSASAR - ARMIZAN	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2370492">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2370492</a>	BERNAMA
4-Dec	IKSH bantu kerajaan rangka program subsidi lebih bersasar - Armizan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/700159/berita/nasional/iksh-bantu-kerajaan-rangka-program-subsidi-lebih-bersasar---armizan">https://www.sinarharian.com.my/article/700159/berita/nasional/iksh-bantu-kerajaan-rangka-program-subsidi-lebih-bersasar---armizan</a>	SINAR HARIAN
4-Dec	Menteri: KPDN tetapkan agihan minyak masak paket, tanggani ketirisan	<a href="https://selangorkini.my/2024/12/menteri-kpdn-tetapkan-agihan-minyak-masak-paket-tangani-ketirisan/">https://selangorkini.my/2024/12/menteri-kpdn-tetapkan-agihan-minyak-masak-paket-tangani-ketirisan/</a>	SELANGOR KINI
4-Dec	PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI DI KAWASAN BANJIR DI KELANTAN	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2370704">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2370704</a>	BERNAMA
4-Dec	Program Jualan Rahmah Madani di kawasan banjir di Kelantan	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/12/03/program-jualan-rahmah-madani-di-kawasan-banjir-di-kelantan/">https://www.tvsarawak.my/2024/12/03/program-jualan-rahmah-madani-di-kawasan-banjir-di-kelantan/</a>	TV SARAWAK
4-Dec	Dewan Rakyat: RM47 juta diesel bersubsidi diselewengkan sejak Januari 2022	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/12/03/dewan-rakyat-rm47-juta-diesel-bersubsidi-diselewengkan-sejak-januari-2022/">https://www.tvsarawak.my/2024/12/03/dewan-rakyat-rm47-juta-diesel-bersubsidi-diselewengkan-sejak-januari-2022/</a>	TV SARAWAK